# Latihan Bahasa Malaysia (Pemahaman berdasarkan dua atau lebih petikan)

**Nama :**
**Tingkatan :**

*Baca bahan – bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan – soalan yang berikutnya.*

## BAHAN 1

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyilau dan merdeka
antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma
dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.

(dipetik daripada sajak *Kucari Damai Disini*, *Antologi Baik Budi,Indah Bahasa*, Tingkatan 2 Kementerian Pendidikan Malaysia)

## BAHAN 2

"Abah tak kisah kalau kau sudah nekad mahu jadi atlet. Barangkali itu juga suatu sumbangan kepada bangsa dan negara," ujar abah sebelum menyambung, "tapi kau peliharalah syariat dalam bersukan.

Syukur. Kini wasiat abah masih saya pelihara. Janji itu masih saya genggam erat. Sehingga sekarang, hanya saya satu-satunya pemain lelaki Muslim yang menutup aurat di gelanggang pada peringkat antarabangsa.

(dipetik dan diubah suai daripada novel *Justeru Impian Di Jaring*, Kementerian Pendidikan Malaysia)

## BAHAN 3



**Bentuk soalan satu (1) – Pemahaman bahan petikan secara tersurat (3 Markah)**

a) Berdasarkan **bahan 2 dan 3** di atas, nyatakan cara-cara yang dapat dilakukan untuk menunjukkan rasa sayang akan negara.

b) Berdasarkan **bahan 1 dan 3** di atas, nyatakan ciri-ciri insan sayang akan negara.

c) Berdasarkan **bahan 1 dan 2** di atas, nyatakan cara-cara yang dapat dilakukan untuk menjadi insan yang berakhlak mulia.

**Bentuk soalan dua (2) – Soalan berteraskan kefahaman dalam sastera (3 Markah)**

a) Berikan **dua nilai** yang terdapat pada bahan 1.

b) Berikan **dua pengajaran** yang terdapat pada bahan 2.

c) Berikan **dua persoalan** yang terdapat pada bahan 3.

**Bentuk soalan tiga (3) – Pemahaman Petikan Secara Tersirat (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) (4 Markah)**

a) Usaha untuk menyuburkan rasa cinta akan tanah air telah memberikan pelbagai kesan kepada pembangunan negara.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan tersebut?

b) Inisiatif kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan tanah air telah memberikan pelbagai impak kepada masyarakat dan juga negara.

Pada pendapat anda, apakah impak-impak tersebut?

c) Usaha-usaha untuk menyuburkan rasa cinta akan tanah air telah berjaya melahirkan negara perpaduan yang dikecapi Malaysia kini.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara lain yang dapat dipraktikkan untuk menjayakan usaha tersebut?

**Latihan Tamat**

**Selamat Maju Jaya**

**Cikgu Norhairie Nordin**